

# Dr M wajar henti jadi penasihat

BH - 30/10/2006

## Bekas PM dianggap langgar prinsip, keistimewaan

Oleh Abdul Halim Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Kalangan pemimpin tertinggi Umno sepakat mahu Tun Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan sebagai penasihat beberapa syarikat dan agensi kerajaan kerana beliau sudah tidak lagi menghargai kedudukan dan keistimewaan yang diberi kerajaan kepadanya.

Mereka berpendapat bekas Perdana Menteri itu melanggar prinsip dan etika kerana dalam pada Dr Mahathir terus menikmati pelbagai keistimewaan yang diberikan agensi kerajaan, beliau pada masa sama mengkritik secara terbuka kepemimpinan kerajaan dan negara.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata secara prinsipnya, saranan supaya Dr Mahathir melepaskan jawatan sebagai Penasihat di syarikat atau agensi kerajaan memang wajar kerana semua pelantikan ke jawatan itu diputuskan Perdana Menteri.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata adalah amat janggal sekali jika Dr Mahathir masih memegang jawatan yang diberikan oleh kerajaan dan Perdana Menteri kepadanya sedangkan beliau pada masa sama memilih

untuk mengkritik dan melemparkan tohmahan kepada mereka.

"Terserah kepada Dr Mahathir untuk memikirkannya. Saya tak fikir Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meminta beliau berbuat demikian kerana Abdullah ialah seorang pemimpin berhemah tinggi dan sentiasa bersikap berkecuali.

"Kita pun sudah tentu boleh ramalkan apa yang Dr Mahathir akan kata sekiranya itu dilakukan (Dr Mahathir diminta melepaskan jawatannya)," katanya.

Beliau diminta mengulas saranan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid yang mahu supaya Dr Mahathir melepaskan jawatannya sebagai penasihat di beberapa sya-

**“Terserah kepada Dr M untuk memikirkannya. Saya tak fikir PM akan meminta beliau berbuat demikian”**

**Muhyiddin Yassin**  
Naib Presiden Umno

rikat dan agensi milik kerajaan jika beliau mahu terus mengkritik dan menghentam Abdullah serta kerajaan.

Dr Mahathir hingga kini masih menjadi Penasihat kepada syarikat kerajaan iaitu Petronas dan Proton Holdings Bhd serta agensi milik kerajaan, iaitu Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Sementara itu seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohamad Ali Rustam, berkata Dr Mahathir seharusnya memberi perhatian serius kepada rasa hati dan kehendak pemimpin Umno pelbagai peringkat termasuk pada akar umbi.

Beliau yang juga Ketua Menteri Melaka, berkata jika Dr Mahathir terus mengkritik secara terbuka pentadbiran kerajaan dan Perdana Menteri, sudah tentu pelbagai kenyataan balas akan dikeluarkan mereka yang dikritik yang akan menyebabkan Dr Mahathir berasa tidak selesa dan kecewa.

"Jika dia (Dr Mahathir) boleh kritik kerajaan dan pemimpin Umno, mereka juga akan berasa kecewa dan seterusnya akan mengeluarkan kenyataan balas yang semakin keras terhadap bekas Perdana Menteri itu," katanya ketika dihubungi, semalam.